

E-BULETIN JAR MOT

▶▶▶ EDISI 01
Tahun 2022

Jawatankuasa Antirasuah
Kementerian Pengangkutan
Malaysia

MOT



7 - 9 April 2021

Bengkel Pembangunan
SOP Tatatertib



8 November 2021

Program Pengukuhan
Integriti



7 - 9 April 2021

Program Pengukuhan
Integriti



7 - 9 April 2021

Program Singgah
Santun Jelajah Rasuah

  motmalaysia

 ministryoftransportmy

www.mot.gov.my



► PERUTUSAN MENTERI

Salam Sejahtera

Pertama sekali saya ingin melahirkan rasa syukur dan gembira di atas kejayaan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) kerana buat julung kalinya telah berjaya menghasilkan e-Buletin Jawatankuasa Antirasuah (JAR) MOT. Sebagai peneraju dalam mewujudkan sistem pengangkutan negara yang mampan, efisien dan selamat selaras dengan visinya, MOT akan sentiasa memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah telus dan memberi manfaat kepada rakyat.

Justeru, e-Buletin ini yang mengetengahkan usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti antirasuah yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi di bawah MOT akan menjadi wadah kepada MOT dan Jabatan/Agensi untuk memaklum dan berkongsi dengan rakyat mengenai usaha murni antirasuah yang menjurus kepada peningkatan tadbir urus dan integriti. Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Unit Integriti MOT selaku Urus Setia dan Jabatan/Agensi yang menyumbang input untuk penerbitan e-Buletin ini.

YANG BERTHORMAT
DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
Menteri Pengangkutan Malaysia



► PRAKATA KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, e-Buletin Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah berjaya diterbitkan.

Untuk makluman, e-Buletin ini adalah hasil daripada keputusan yang dicapai dalam Mesyuarat JAR MOT yang telah saya pengerusikan baru-baru ini. Buletin ini diterbitkan khas bagi membolehkan Jabatan/Agensi di bawah MOT berkongsi usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi menangani isu-isu governans, integriti dan antirasuah di semua peringkat. Ia merupakan satu komitmen yang ditunjukkan oleh Jabatan/Agensi di bawah MOT yang sentiasa menitikberatkan ketelusan dan integriti yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Diharapkan e-Buletin ini akan terus dijadikan sebagai saluran hebahan kepada pihak berkepentingan dan usaha-usaha menangani antirasuah terus dipertingkatkan dalam setiap urusan rasmi Jabatan/Agensi Kerajaan terutamanya di MOT. Justeru, saya berharap agar penerbitan e-Buletin ini akan diteruskan pada masa akan datang supaya MOT dan Jabatan/Agensi di bawahnya sentiasa komited dalam menangani sebarang bentuk penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti antirasuah.

DATUK ISHAM ISHAK

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia



JABATAN LAUT MALAYSIA (TAHUN 2021)

▶ PEMAKLUMAN DI DALAM JALIN (JABATAN LAUT INTRANET)

Sepanjang Tahun 2021 - Merupakan platform perhubungan antara kakitangan JLM dan juga capaian kepada maklumat, perkhidmatan serta dokumen JLM bagi semua kakitangan JLM.

Unit Integriti JLM telah menguar-uarkan dasar, pekeliling dan arahan Ketua Pengarah Laut yang berkaitan dengan antirasuah di dalam JALIN melalui surat edaran kepada semua Pengarah Jabatan Laut Wilayah dan Pengarah Bahagian.



▶ KURSUS KESEDARAN (AWARENESS) SISTEM PENGURUSAN RASUAH MS ISO 37001 2016 (ABMS)

Atas Talian

27-29 Mei 2021 - Kursus kerjasama antara MATRAIN dan Unit Integriti ini dibuat bagi memberi pendedahan berkenaan ABMS kepada semua bahagian dan wilayah dan telah dilaksanakan oleh penceramah dari Syarikat Intellect Momentum Training & Consulting Sdn. Bhd.



▶ PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN LAUT MALAYSIA 2021-2025

3 Februari 2021 - Merupakan platform perhubungan antara kakitangan JLM dan juga capaian kepada maklumat, perkhidmatan serta dokumen JLM bagi semua kakitangan JLM.

Unit Integriti JLM telah menguar-uarkan dasar, pekeliling dan arahan Ketua Pengarah Laut yang berkaitan dengan antirasuah di dalam JALIN melalui surat edaran kepada semua Pengarah Jabatan Laut Wilayah dan Pengarah Bahagian.



► BENGKEL PEMBANGUNAN SOP TATATERTIB

MATRRAIN

7-9 April 2021 - Bengkel yang dibuat secara bersemuka ini merupakan bengkel siri kedua bertujuan untuk menyeragamkan tatacara pengurusan tatatertib di setiap wilayah. Bengkel ini melibatkan wilayah dan Ibu Pejabat Laut (IPL) difasilitasi oleh Syarikat Trade Focus Resources.



► KURSUS AUDITOR DALAMAN MS ISO 37001: 2016 ABMS

Atas Talian

17-18 Februari 2021 - Bengkel kerjasama antara MATRAIN dan Unit Integriti ini dibuat secara atas talian bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli Auditor Dalaman ABMS yang dilantik berkenaan peranan dan tanggungjawab sepanjang mengaudit bahagian dan wilayah yang terlibat.



Bengkel ini dilaksanakan oleh penceramah dari Syarikat Intellect Momentum Training & Consulting Sdn. Bhd.



KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD

► POLISI PERTUKARAN DAN PUSINGAN KERJA

Ibu Pejabat KTMB

26 Februari 2021 - Polisi ini dibangunkan bagi tujuan seperti berikut:-

- Peningkatan produktiviti kakitangan dan seterusnya organisasi tempat mereka berkhidmat
- Menambah serta mempelbagaikan pengalaman, pendedahan, dan proses pembelajaran di kalangan kakitangan terlibat
- Membendung rasa bosan bertugas di satu tempat dan menjalankan tugas yang sama dalam tempoh masa yang panjang
- Meluaskan networking kakitangan kerana ini dapat membantu mempermudah mereka melaksanakan tugas
- Mencegah kemungkinan berlakunya penyelewengan, penyalagunaan kuasa dan rasuah
- Membolehkan kakitangan melihat jabatan di mana mereka ditempatkan dari perpektif berbeza dan dengan itu mereka diharap dapat mencuba pendekatan baru yang boleh mempertingkatkan lagi keberkesannya
- Memberi peluang kepada kakitangan mendapatkan tugas yang sesuai dengan minat, kebolehan, latihan dan pengalaman mereka supaya mereka dapat memberikan hasil kerja yang optimum

► WEBINAR WACANA KELESTARIAN INTEGRITI BERSAMA KETUA INTEGRITI

Ibu Pejabat KTMB

14 September 2021 - Wacana ini ingin memberi pencerahan kepada kakitangan KTMB berkaitan polisi Unit Integriti serta kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia agar setiap kakitangan dapat memahami dengan lebih tepat kesalahan kesalahan yang terdapat di dalam kedua dua dokumen ini. Selain itu setiap kakitangan yang hadir akan menyampaikan maklumat ini kepada kakitangan yang lain agar ia akan menjadi budaya ingat mengingati agar terhindar dari melakukan kesalahan yang terdapat di dalam polisi dan undang undang ini.



▶ PROGRAM SINGGAH SANTUN JELAJAH RASUAH BUSTER ANJURAN BERSAMA SINAR HARIAN DAN KTMB

KL Sentral

9 Disember 2021 - Program ini diadakan bagi menyambut Hari Antirasuah Antarabangsa dan menyahut tema 'Your Right, Your Role: Say No To Corruption'. Tema ini adalah bagi membudayakan amalan setiap warga KTMB untuk ingat dan mengingatkan serta menolak segala amalan salahguna kuasa dan rasuah di dalam organisasi. Program ini turut melibatkan pengguna keretapi yang berada di KL Sentral.



KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD

▶ WEBINAR INTEGRITI INTEGRITI DARI PERSPEKTIF KEPULIHAN KESIHATAN MENTAL DALAM MENDEPANI COVID-19 -TUMBUK RUSUK ADVANCE 2.0

Secara Maya

9 Disember 2021 - Pegawai dan kakitangan LPK telah menghadiri kursus pengukuhan integriti seperti berikut: 14/7/21-Webinar Integriti " Integriti Dari Perspektif Kepulihan Kesihatan Mental Dalam Mendepani Covid-19 & 18/10/2021-Tumbuk Rusuk Advance 2.0 Secara Dalam Talian



▶ Sesi GAP Analysis ke arah Pensijilan ABMS 37001:2016.

Secara Hibrid

10 Disember 2021 - Berdasarkan arahan Kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 dalam OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik dimana setiap agensi perlu melaksanakan Pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS). Dalam konteks ini, pensijilan ABMS ISO 37001:2016 adalah amat penting bagi memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan pegawai dan kakitangan di Lembaga Pelabuhan Kelang.

Pihak Pengurusan melalui kelulusan pihak Pengurus Besar telah bersetuju melantik Syarikat SIRIM STS bagi membimbing LPK ke arah pensijilan ABMS 37001:2016. Sehubungan itu, satu sesi GAP Analysis telah diadakan pada 10 Disember 2021 di secara hibrid di Bilik Swettenham, Lembaga Pelabuhan Klang.

Sesi ini dilaksanakan bertujuan untuk membandingkan maklumat dokumentasi semasa LPK berbanding dengan keperluan LPK ke arah pensijilan ISO 37001:2016.


LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

▶ PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI : TAKLIMAT PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) LPKP SARAWAK

Bilik Mesyuarat, LPKP Sarawak

8 November 2022

- Taklimat ini bertujuan untuk memperkenalkan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) kepada pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai LPKP Sarawak, selaras dengan usaha pembangunan OACP LPKP Sarawak.
- Program ini berjaya dilaksanakan hasil kerjasama bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sarawak
- Peserta program adalah terdiri daripada Pengarah, ketua-ketua Bahagian, ketua-ketua Cawangan dan ketua-ketua Unit di Ibu Pejabat termasuk pejabat Cawangan Sibu dan Miri.



Taklimat disampaikan oleh Tuan Othman Bin Anyan, Pegawai SPRM Negeri Sarawak.



Slaid pembentangan bagi penerangan mengenai Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)



► PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI : CERAMAH INTEGRITI

Bilik Mesyuarat, LPKP Sarawak

8 November 2022

- Taklimat ini bertujuan untuk membentuk pemikiran yang positif, memberi kesedaran nilai-nilai integriti dalam aspek tugas seharian, meningkatkan komitmen penjawat awam tentang aspek pembudayaan integriti dalam organisasi dan meningkatkan nilai kerja cemerlang dan pengurusan sahshiah sendiri.
- Program ini berjaya dilaksanakan hasil kerjasama bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sarawak
- Peserta program adalah terdiri daripada semua kakitangan LPKP Sarawak termasuk pejabat Cawangan Sibuan dan Miri.



Ceramah disampaikan oleh Tuan Abdul Kadir Bin Mohamad, Pegawai SPRM Negeri Sarawak.



Kakitangan LPKP Sarawak yang hadir secara fizikal bagi mendengar ceramah

► LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) Peringkat Negeri Pahang



26 Oktober 2021 - Berlangsungnya majlis penyampaian hadiah bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) peringkat negeri Pahang. Majlis ini disempurnakan oleh Ketua Menteri Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail dengan disaksikan oleh ketua Setiausaha Pahang, YB Dato' Sri Dr Sallehuddin bin Ishak dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali. Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah anjuran IIM dengan Kerjasama Yayasan Pahang ini merupakan satu inisiatif meningkatkan pembudayaan integriti dan tadbir urus, menerusi pemberian pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan integriti, tadbir urus terbaik, dan inisiatif antirasuah dalam organisasi. AIGA yang julung kali diadakan ini telah menerima 41 penyertaan dari pelbagai organisasi di Pahang. Anugerah ini dibahagikan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur yang terdiri daripada Anugerah Platinum, Emas, Perak dan Gangsa. Pada majlis yang julung kali diadakan ini tiada agensi yang memenangi Anugerah Platinum dan Anugerah Perak diterima oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan.

Anugerah ini juga merupakan satu platform terbaik untuk setiap organisasi untuk mengukur sejauh mana usaha-usaha atau inisiatif meningkatkan integriti dalam organisasi, sistem pengurusan dalaman yang berfokuskan kepada tadbir urus terbaik serta sistem kawalan dalaman bagi

mengekan berlakunya rasuah dalam organisasi. Selain itu ianya juga merupakan ruang mencungkil keupayaan, kemampuan, komitmen dan kesungguhan sektor swasta dan awam dalam usaha pelaksanaan sistem kawalan dalaman pengurusan risiko dan pencegahan rasuah. AIGA juga akan mewujudkan satu persaingan yang sihat dalam sektor swasta dan awam dalam pembudayaan integriti, governans dan anti-rasuah. Penganugerahan ini tidak tertumpu kepada inisiatif sesebuah organisasi sahaja tetapi fokus juga diberikan kepada penerimaan dan pemahaman setiap warga kerja dalam organisasi dalam melahirkan warga yang berintegriti dan bebas rasuah. Sistem penilaian dilaksanakan melalui semakan dokumen dan semakan dokumen dilapangan yang diadakan pada November 2020.

Penyertaan dalam AIGA ini secara tidak langsung dapat mengukur tahap kepatuhan LPKtn terhadap integriti, governans dan antirasuah serta menunjukkan komitmen yang tinggi telah ditunjukkan oleh Jemaah Lembaga dan anggota pekerja LPKtn.

▶ **VENDOR INTEGRITY PROGRAM (VIP)**

Online via Microsoft Teams

Dalam usaha untuk memberi kesedaran tentang integriti kepada pihak luar yang berurusan dengan Kumpulan MAHB, Bahagian Integriti Korporat dengan kerjasama Bahagian Perolehan dan Kontrak, MAHB telah mengadakan *Vendor Integrity Program*.

Taklimat yang diberikan adalah berkaitan Polisi Pencegahan Rasuah MAHB, Kod Etika Vendor MAHB, *Integrity Pact*, kesalahan-kesalahan utama rasuah dan Program Pemberitahuan Maklumat (*Whistleblowing*) MAHB.



26/7/2021 - Sesi 1
27/7/2021 - Sesi 2
28/7/2021 - Sesi 3
29/7/2021 - Sesi 4

▶ **CORRUPTION OFFENCES AND PREVENTIVE MEASURES BRIEFING SESSION FOR MAHB SENIOR MANAGEMENT**

Online via Microsoft Teams

10 September 2021 - Pindaan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas kesalahan oleh mana-mana organisasi komersial atau lebih dikenali sebagai Liabiliti Korporat telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020.

Oleh itu, setiap orang dalam syarikat hendaklah memainkan peranan mereka dan bertanggungjawab untuk menggalakkan aktiviti perniagaan dan komersial dijalankan dalam persekitaran yang telus dan bebas daripada rasuah, mengambil langkah yang mencukupi, menggalakkan tadbir urus korporat yang lebih baik dan pematuhan undang-undang.

Bahagian Integriti Korporat, MAHB telah menganjurkan sesi taklimat mengenai "Kesalahan Rasuah dan Langkah-langkah Pencegahan" untuk Pengurusan Kanan MAHB.

Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pesuruhjaya Kanan (SAC) Mohd Nur Lokman Samingan, Ketua Cawangan Sektor Swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Bahagian Pendidikan Komuniti SPRM.



▶ AUDIT PENGAWASAN ABMS 2 OLEH SIRIM QAS

Online via Microsoft Teams

13-16 Disember 2021 - MAHB dan anak syarikatnya MA (Sepang) telah diperakui dengan Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO37001:2016 untuk proses perolehannya sejak Mei 2019 lagi. Pada April 2020, MAHB dan MA (Sepang) berjaya mencapai pensijilan ABMS untuk skop penuh yang meliputi semua proses.


Audit Pengawasan ABMS 2 oleh SIRIM QAS yang telah dijalankan pada 13 hingga 16 Disember 2021 bertujuan untuk memastikan:

- Pematuhan kepada keperluan standard, berkanun, peraturan dan keperluan kontrak yang terpakai
- Pemantauan prestasi, pengukuran, pelaporan dan semakan terhadap objektif prestasi utama dan sasaran.
- Kawalan operasi terhadap proses organisasi, audit dalaman dan semakan pengurusan, tanggungjawab pengurusan terhadap dasar organisasi.

Skop pensijilan adalah Sistem Pengurusan Anti Rasuah bagi operasi lapangan terbang meliputi pengurusan, perancangan, kewangan, operasi, komersil, sistem ICT dan perkhidmatan korporat.

Manakala, skop organisasi ABMS meliputi keseluruhan aktiviti termasuk perkhidmatan sokongan lain.

Kesimpulannya, Juruaudit SIRIM QAS secara kolektif bersetuju keseluruhan ABMS organisasi MAHB telah memenuhi keperluan standard ISO37001:2016.



► E-LEARNING ON ANTI-CORRUPTION

Online via Intranet

Bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan memberi kesedaran berterusan kepada pekerja Kumpulan MAHB tentang anti-rasuah, Bahagian Integriti Korporat dengan kerjasama Bahagian Modal Insan, MAHB telah melancarkan beberapa modul e-Learning yang perlu dilengkapkan oleh pekerja. Modul e-learning tersedia dalam Bahasa Inggeris dan Melayu untuk memastikan ia mudah difahami oleh semua pekerja. Pekerja perlu lulus kuiz yang dijawab pada akhir setiap modul bagi memastikan tahap pemahaman mereka.



► THE STATEMENT OF ANNUAL ASSURANCE SIGN OFF ON GUIDELINES ON ADEQUATE PROCEDURE

Online via Intranet

14 September 2021 - *The Statement of Annual Assurance Sign Off on Guidelines on Adequate Procedure* adalah komitmen Pengurusan Kanan Kumpulan MAHB bagi mematuhi prinsip di bawah Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan menurut Subseksyen 17A(5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Pengurusan Kanan Kumpulan MAHB dikehendaki menandatangani penyata tersebut berdasarkan lima prinsip Garis Panduan

Tatacara Mencukupi; Komitmen Peringkat Atasan, Penilaian Risiko, Pelaksanaan Langkah Kawalan, Kajian Sistemik, Pemantauan dan Penguatkuasaan serta Latihan dan Komunikasi.

Penyata ini akan memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah MAHB bahawa tatacara yang mencukupi disediakan untuk melindungi syarikat daripada tuntutan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.



MIMA

▶ MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH INSTITUT MARITIM MALAYSIA (MIMA)

Bilik Seminar MIMA

19 Januari 2022 - Lafaz dan Tandatanganan Ikrar Bebas Rasuah Bebas Rasuah dianjurkan di Institut Maritim Malaysia (MIMA) bagi memastikan setiap warga kerja MIMA lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah serta salah guna kuasa selama bertugas di MIMA.

Majlis dimulakan dengan ceramah berkaitan dengan pencegahan rasuah, integriti, salah guna kuasa, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711], dan tatatertib sebagai pengisian kepada semua warga kerja MIMA.

Sesi lafaz dan tandatangan ikrar diketuai Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar, Ketua Pengarah MIMA dengan melibatkan semua warga kerja MIMA. Turut hadir Tuan Ramli bin Hassan (Penolong Kanan Pesuruhjaya SPRM).

PRASARANA MALAYSIA BERHAD

▶ PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

B-20-1, LEVEL 20, MENARA UOA BANGSAR, NO. 5, JALAN BANGSAR UTAMA 1, 59900 KUALA LUMPUR

19 Januari 2022

- Memasukkan "pengisytiharan pemunya benefisial oleh Petender/syarikat yang berjaya dalam perolehan Prasarana berdasarkan garis panduan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM)" di dalam "Instruction to Tenderer" dokumen (untuk tender satu juta ke atas)
- Dikuatkuasakan pada Mac 2022
- Inisiatif IGD meningkatkan kawalan dalaman lanjutan arahan dari Ahli Lembaga Pengarah Prasarana mengenai pengisytiharan Pemunya Benefisial oleh Petender yang berjaya semasa Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Prasarana pada 2 September 2021 walaupun klausa 3.2.11 OBJEKTIF STRATEGIK 3.2: Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



www.mot.gov.my

Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara
Sustainable Transport the Heart Of National Development

